



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 24/2009**

**Menahan Dua Puluh Lima Peratus (25%) Daripada Wang
Pampasan Yang Patut Dibayar Kepada Orang Yang Berkepentingan
Di Bawah Akta Pengambilan Tanah 1960**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 24/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 24/2009

**Menahan Dua Puluh Lima Peratus (25%) Daripada Wang Pampasan Yang Patut
Dibayar Kepada Orang Yang Berkepentingan Di Bawah Akta Pengambilan Tanah
1960**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihat Pentadbir Tanah mengenai peruntukan-peruntukan seksyen 29A Akta Pengambilan Tanah 1960 berhubung dengan menahan dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah wang pampasan yang ditetapkan di dalam tiap-tiap kes di mana jumlah bagi sesuatu tanah itu melebihi RM15,000.00 (Ringgit Lima Belas Ribu).

2. Selepas diselesaikan sesuatu siasatan bagi menentukan jumlah pampasan, Pentadbir Tanah akan membuat award dalam Borang G seperti yang dikehendaki oleh subseksyen 14(1) Akta Pengambilan Tanah 1960. Menurut subseksyen 16(1) Akta yang sama suatu notis Borang H hendaklah disedia dan disampaikan kepada tiap-tiap orang berkepentingan. Award bertulis dalam Borang H adalah cabutan daripada Borang G.

3. Menurut subseksyen 29(1) Akta yang sama, Pentadbir Tanah hendaklah membayar seperti yang diaward dalam Borang H dengan seberapa segera kepada orang yang berhak melainkan:-

- (a) tidak ada seorang pun yang kompeten menerima bayaran itu;
- (b) orang yang berhak mendapat bayaran itu tidak bersetuju menerima amaun yang diawardkan itu, atau
- (c) terdapat pertikaian tentang hak atau hakmilik orang yang menerima pampasan tersebut atau tentang pengumpukannya.

4. Seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 29a(1) Akta Pengambilan Tanah 1960, Pentadbir Tanah hendaklah membayar hanya 75% sahaja daripada jumlah pampasan yang ditetapkan dan menahan pembayaran sebanyak 25% daripada jumlah tersebut di dalam tiap-tiap kes di mana jumlah pampasan untuk sesuatu tanah itu melebihi RM15,000.00 (Ringgit Lima Belas Ribu). Pembayaran wang sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada pampasan itu hanyalah boleh dilakukan di dalam keadaan yang berikut:-

- (a) Sebelum tamatnya tempoh enam (6) minggu dari tarikh penyampaian Borang H kepada Kerajaan, orang atau badan yang bagi pihaknya tanah itu diambil; atau
- (b) jika tidak ada permohonan bantahan Borang N oleh kerajaan, orang atau badan yang bagi pihaknya tanah itu diambil, bayaran hendaklah dibuat dengan secepat mungkin selepas 6 minggu daripada tarikh penyampaian kenyataan Borang H kepada kerajaan, orang atau badan.

5. Amalan sekarang mengenai bayaran pampasan ialah seperti berikut:-

- (a) Kerajaan, orang atau badan yang bagi pihaknya tanah itu diambil bolehlah bagi jumlah pampasan (satu lot tanah) melebihi RM15,000.00 (Ringgit Lima Belas Ribu) supaya menyediakan dua (2) keping cek bayaran atau bayaran melalui pemindahan dana elektronik (*electronic fund transfer (EFT)*) iaitu satu (1) cek

- bayaran 75% dan satu (1) cek bayaran 25% bagi setiap orang yang berkepentingan seperti di dalam Borang H.
- (b) Kerajaan, orang atau badan yang bagi pihaknya tanah itu diambil bercadang untuk membuat pembayaran pampasan lebih daripada tempoh enam (6) minggu dari tarikh Borang H maka bayaran adalah melalui satu (1) cek sahaja kepada setiap orang yang berkepentingan.
- (c) Bantahan oleh kerajaan, orang atau badan yang bagi pihaknya tanah itu diambil mengikut seksyen 37 dan seksyen 49 Akta Pengambilan Tanah 1960, menahan 25% akan didepositkan dalam Akaun Amanah Negeri sehingga keputusan Mahkamah.

6. Bahawa tujuan menahan dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah pampasan itu menurut subseksyen 29A(1) ialah untuk mengelakkan daripada kesulitan mendapatkan balik jumlah wang Kerajaan daripada orang yang berkepentingan jika keputusan Mahkamah mengurangkan jumlah pampasan itu.

7. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya mengambil ingatan bahawa menahan dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah pampasan yang ditetapkan dan masa membuat pembayarannya adalah dibincangkan di perenggan 2, 3 dan 4 di atas.

8. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan. Dengan kuat kuasa pekeliling ini, maka Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 19/1977 dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4
Tarikh: 31 Disember 2009